



Naib Canselor, Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi, menyampaikan hadiah wang tunai bernilai RM3,000, plak dan sijil penyertaan kepada Juara Konvensyen KIK IPTA kategori Pengurusan, Kumpulan BEST dari Pejabat Pendaftar UPM

SERDANG, 4 Mac- Universiti Putra Malaysia (UPM) muncul johan pertandingan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) kali ketujuh bagi kategori Pengurusan yang diadakan di UPM, baru-baru ini.

UPM yang diwakili kumpulan BEST dari Pejabat Pendaftar UPM menghasilkan projek bertajuk 'Pegawai Menghadiri Latihan Tidak Relevan dengan Kemahiran yang Diperlukan'.

Hasil inovasi projek itu menyaksikan 'Sistem Pengurusan Latihan' telah dicipta dan mendapat pengiktirafan di peringkat IPTA.

Ketua kumpulan, Norman Azlan Osman berkata, sistem yang dibangunkan itu bertujuan mewujudkan kaedah bersistematik untuk mengenal pasti latihan yang diberikan kepada staf relevan dengan kemahiran yang diperlukan atau sebaliknya.



Ketua kumpulan BEST, Norman Azlan Osman

"Kalau kita perhatikan masih ramai staf di UPM yang pergi kursus atau latihan tidak mengikut kemahiran atau keperluan yang diperlukan. Jadi kita bangunkan satu sistem yang dapat mengatasi masalah ini.

"Melalui sistem ini penyelia akan mengenal pasti tugas staf mereka dan kemahiran yang diperlukan sebelum menghadiri sesuatu kursus atau latihan," katanya ketika ditemui pada majlis penutup konvensyen itu di sini.

Menurutnya, sistem yang dibangunkan atas kerjasama Pusat Pembangunan Maklumat dan

Komunikasi UPM (I-DEC) itu dijangka akan digunakan secara meluas di UPM dalam masa terdekat bagi menggalakkan penyertaan kursus mengikut keperluan staf.



Pendaftar UPM, Dato' Wan Azman Wan Omar (tengah) bersama johan Konvensyen KIK IPTA kategori Pengurusan, Kumpulan BEST

Kumpulan itu turut dianggotai oleh Norhanisah Sadun, Redzuan Zamberi, Roziah Hanum Ramli, Noraizan Husin, Zuyati Yahaya, Hendrik Mulyady Samian, Fazreena Ali Napiah Diyana Paimon, Siti Nur Ain Isa.

Rafidah Sadarudin yang bertindak sebagai fasilitator kumpulan itu turut dinobatkan sebagai penerima Anugerah Fasilitator Terbaik pada konvensyen KIK kali ini.

Mereka berjaya membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM3,000, plak dan sijil penyertaan.



Fasilitator Terbaik, Rafidah Sadarudin

Hadiah disampaikan oleh Naib Canselor UPM, Dato' Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi dan Pendaftar UPM, Dato' Wan Azman Wan Omar. Turut hadir pada majlis itu Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Ab. Rahim Md. Noor.

Satu lagi kumpulan yang mewakili UPM iaitu V-Care dengan projek 'Kadar Kematian Ikan yang Tinggi Selepas Dimasukkan dalam Akuarium di Unit Kesihatan Haiwan Akuatik' menerima Anugerah Inovasi Terbaik bagi kategori Teknikal.

Terdahulu, Dato' Ir. Dr. Radin Umar dalam ucapannya berkata, konvensyen KIK merupakan satu platform terbaik kepada IPTA mengetengahkan projek inovasi dan menterjemah amalan peningkatan kualiti untuk perkongsian bersama.



Naib Canselor, Dato' Ir. Dr. Radin Umar berucap dalam Majlis Penutup Konvensyen KIK IPTA

"Usaha dalam KIK ini bukan sahaja dapat menyelesaikan pelbagai masalah di institusi malah memberi memberi peningkatan dalam pembangunan modal insan, menggalakkan budaya kerja kreatif dan membina semangat kerja berpasukan," katanya.

Sementara itu, mengulas kemenangan kumpulan UPM, Dato' Wan Azman berkata, ia adalah hasil usaha gigih setiap ahli kumpulan yang membuat persiapan secara menyeluruh dan terperinci.

"Mereka telah berusaha dengan gigih untuk memikirkan sesuatu perkara yang boleh memberi impak berguna kepada warga universiti serta meningkatkan kepuasan pelanggan," katanya sambil menyifatkan kemenangan itu mencetus semangat kepada kumpulan KIK lain di UPM untuk menghasilkan produk inovasi.



Pendaftar UPM, Dato' Wan Azman Wan Omar, beramah mesra bersama pemenang

Konvensyen KIK Peringkat IPTA kali ketujuh yang diadakan selama tiga hari bermula 1 hingga 3 Mac lalu menyaksikan seramai 39 kumpulan daripada 20 IPTA berentap dalam dua kategori iaitu Pengurusan dan Teknikal.

Program itu bertujuan menggalakkan budaya inovatif dan kreatif dalam kalangan anggota Perkhidmatan Awam menyelesaikan masalah dalam organisasi untuk meningkatkan sistem penyampaian kepada pelanggan.

Kali terakhir UPM memenangi konvensyen KIK peringkat IPTA adalah pada tahun 2009 melalui kumpulan Smart Reg-O dalam kategori Pengurusan yang telah diadakan di Universiti Malaysia Sabah.

Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM. (Mohd. Martin Abdul Kahar), 03-89467469.